

13/03/2002

SC anjur Minggu PMI

SURUHANJAYA Sekuriti (SC), akan menganjurkan Minggu Pasaran Modal Islam (Minggu PMI) bermula dari 26 Mac sehingga 30 Mac ini.

Minggu PMI itu, yang dipilih sebagai program terbesar dalam kalendar suruhanjaya itu tahun ini akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi SC, Datuk Ali Abdul Kadir (gambar), berkata matlamat utama Minggu PMI itu adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai perkembangan, pembangunan dan pelbagai peluang pelaburan yang ada dalam pasaran modal Islam.

Beliau berkata, minggu itu akan bermula dengan Persidangan antarabangsa Pasaran Modal Islam Kuala Lumpur, selama dua hari di bangunan SC di Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Antara lain, persidangan yang dianjurkan bersama Pusat Perkembangan Industri Sekuriti (SIDC) dan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) itu akan membincangkan peluang, isu dan langkah bagi menggalakkan pasaran modal Islam secara global, di samping menyediakan gambaran mengenai usaha pembangunan yang dilaksanakan di negara ini.

"Kertas kerja akan dibentangkan oleh pakar pasaran modal Islam dari United Kingdom, Amerika Syarikat serta Kuwait, dan dijangka disertai 250 peserta dari dalam dan luar negara," katanya pada sidang akhbar mengumumkan pengumuman Minggu PMI itu di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, antara acara lain yang akan diadakan sepanjang Minggu PMI itu ialah pameran percuma, dua seminar awam iaitu Seminar Mengenai Perancangan Kewangan: Pengurusan Kekayaan Menurut Islam dan Seminar Pelaburan Ekuiti Syariah dan Indeks Islam.

Di samping itu, beberapa syarikat broker saham juga akan mengadakan seminar percuma di Pulau Pinang, Terengganu dan Sarawak.

(END)